

## **AKTA PERHIMPUNAN AMAN 2012 (AKTA 736): ANALISIS DARI SUDUT UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

*Jasri Jamal*  
jasri@ukm.my

*Nor Shazana Sedek Shah*  
shertzain84@gmail.com

Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak**

Insiden keganasan yang tercetus sewaktu perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012 yang lalu telah mengundang pelbagai kritikan terhadap kelemahan Sistem Perundangan Malaysia. Penguatkuasaan undang-undang Malaysia dikatakan lemah dan dilihat sebagai telah gagal untuk mengekang pihak tertentu yang bijak memanipulasi lakuna yang wujud dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736). Sehubungan itu, penulisan ini bertujuan membincangkan pelbagai isu yang timbul daripada kewujudan Akta 736 ini. Seterusnya, beberapa kekuatan dan kelemahan peruntukan serta pengaplikasian akta ini turut dikenal pasti. Penulisan makalah ini juga membuat kajian perbandingan pelaksanaan Akta 736 dengan undang-undang jenayah Islam. Beberapa saranan turut diutarakan agar peruntukan undang-undang sedia ada dapat diperkemas demi memelihara keamanan dan keharmonian negara.

Kata kunci: perhimpunan aman, hak asasi, undang-undang Malaysia

### ***Abstract***

*Incidents of violence that erupted during Bersih 3.0 on 28 April 2012 have resulted in several criticisms of the Malaysian legal system. Law enforcement in Malaysia is perceived as weak and has failed to constrain certain quarters from manipulating existing lacuna in the Peaceful Assembly Act 2012 (Act 736). Consequently, this paper aims to discuss various issues arising from the existence of this new Act. Several strengths and weaknesses as well as*

*the application of the provisions of this act will be highlighted. The paper will then present a comparison between the implementation of this Act and that of Islamic criminal law. Finally, several recommendations for the improvement of the provisions of the existing laws are given in order to maintain peace and harmony in the country.*

*Keywords: peaceful assembly, rights, laws in Malaysia*

## PENDAHULUAN

Perhimpunan aman telah diiktiraf sebagai hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa.<sup>1</sup> Oleh itu, tuntutan terhadap hak ini dari hari ke hari semakin mendesak dan pada tanggal 9 haribulan Februari 2012, Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) telah digazetkan sekali gus mengiktiraf hak ini di Malaysia. Hakikatnya, di Malaysia, hak ini telah diiktiraf dan diperuntukkan dalam Makalah 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.<sup>2</sup> Peruntukan ini jelas membenarkan perhimpunan aman diadakan selagi tidak melanggar syarat yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan. Namun begitu, perlu diingat bahawa hak ini tidak mutlak dan tertakluk pada peruntukan undang-undang yang lain.

Akta Perhimpunan Aman merupakan “extension of Article 10 of Federal Constitution”. Akta ini mengandungi 27 seksyen yang dibahagikan kepada enam Bahagian, iaitu Bab I: Permulaan, Bab II: Hak untuk Berhimpun Secara Aman, Bab III: Tanggungjawab Penganjur, Peserta dan Polis, Bab IV: Kehendak dalam Menganjurkan Perhimpunan, Bab V: Penguatkuasaan dan Bab VI: Pelbagai.<sup>3</sup>

Akta Perhimpunan Aman ini telah dibentuk berpandukan peruntukan yang terdapat di beberapa negara luar seperti Finland,<sup>4</sup> Amerika Syarikat,<sup>5</sup> Pakistan<sup>6</sup> dan pelbagai negara lain tetapi dengan acuan dan keperluan negara Malaysia tersendiri. Lazimnya, perhimpunan aman dibuat atas tujuan untuk menyatakan sesuatu kepada pihak berkuasa atau bagi menyuarakan pandangan dan rasa tidak puas hati sesuatu kumpulan. Oleh itu, perhimpunan aman atau nama lainnya demonstrasi aman ini memerlukan satu tatacara dan panduan dalam pelaksanaan yang teratur, dan tidak mengganggu hak orang lain.

1 Guidelines on Freedom of Peaceful Assembly, Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR), Warsaw, 2007, hlm 13.

2 Makalah 10 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan: Hak untuk berhimpun secara aman tanpa penggunaan senjata.

3 Untuk ulasan lebih lanjut tentang Akta Perhimpunan Aman 2012 ini sila rujuk Faridah Jalil, Ulasan Perundangan Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736), KANUN, Jilid 24. Bil. 1 Jun (2012).

4 Assembly Act 2001 of Finland

5 First Amendment Rights and Police Standards Act 2004 of the District of Columbia

6 Pakistan: Code of Criminal Procedure, 1898 (as amended by Act II of 1997)

Meskipun Akta Perhimpunan Aman ini merupakan tuntutan para pejuang hak asasi perhimpunan aman sejak sekian lama, sebaik sahaja Akta 736 ini digazetkan, begitu banyak kritikan yang dibuat terhadap akta tersebut. Akta ini dikatakan tidak seperti diharapkan dan mendatangkan kekecewaan serta merenggut lebih banyak kebebasan daripada yang sebelumnya. Pada 15 Mei 2012, Akta Perhimpunan Aman ini buat pertama kalinya diuji. Rentetan tragedi keganasan yang tercetus pada perhimpunan Bersih 3.0, pihak Kerajaan telah memfailkan saman terhadap defendan menuntut ganti rugi kerosakan khas berjumlah RM122 ribu sebagai kos membaiki kenderaan polis yang dirosakkan oleh peserta Bersih 3.0, faedah, kos dan relif lain yang difikirkan wajar oleh mahkamah. Tuntutan telah dibuat terhadap pihak penganjur Perhimpunan Bersih 3.0 atas dakwaan gagal mengawal perhimpunan haram tersebut pada 28 April 2012 yang lalu.<sup>7</sup>

Berdasarkan Seksyen 6(2)(g) Akta Perhimpunan Aman 2012, pihak defendan mempunyai tanggungjawab bagi memastikan perhimpunan itu tidak menyebabkan kerosakan harta benda. Menurut plaintif, pihak defendan gagal melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka kerana perhimpunan tersebut menjadi tidak terkawal dan bertukar menjadi rusuhan sehingga menyebabkan kerosakan kepada kenderaan miliknya. Pada 8 Jun 2012, pihak defendan pula telah memfailkan saman balas dengan memohon mahkamah untuk mengisytiharkan bahawa Akta Perhimpunan Aman ini tidak berperlembagaan (*unconstitutional*).<sup>8</sup> Implikasinya jika permohonan ini dibenarkan, maka akta ini tidak boleh diguna pakai dan terbatal atas sebab tidak selari dan melanggar undang-undang yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, jika sekiranya akta ini tidak dipertahankan maka akan wujud lebih banyak pihak yang tidak bertanggungjawab cuba memanipulasi undang-undang demi kepentingan diri sendiri. Perhimpunan nantinya dilihat sebagai satu-satunya cara bagi meluahkan rasa ketidakpuasan hati dan sekiranya hal ini dibiarkan berterusan maka masyarakat lama-kelamaan akan mula mempercayai bahawa satu-satunya cara untuk suara mereka didengar adalah dengan berarak beramai-ramai sambil melaung-laungkan hak mereka di jalanan.

Sering kali terjadi jika sesebuah masyarakat itu terlalu mengikut apa yang telah ditetapkan oleh kebiasaan, tanpa menilai kerelevanan ikutan tersebut dibuat, akan hanya mendatangkan kebinasaan sahaja.<sup>9</sup> Dalam Islam apa-apa yang dituntut perlu datang bersama-sama dengan rasa tanggungjawab dan

<sup>7</sup> *Utusan Malaysia*, 24.5.2012

<sup>8</sup> *Berita Harian*, 9.6.2012

<sup>9</sup> Barbara Drieskens, "A Cairene Way of Reconciling" dlm. *Islamic Law and Society* Vol. 13, No. 1, Customary Law in North Africa and the Arab East (2006), hlm. 99-122

bukan seperti masyarakat antarabangsa yang tidak sudah-sudah menuntut hak, namun berpaling daripada tanggungjawab.<sup>10</sup>

Sekiranya hak berhimpun ini dibenarkan tanpa sebarang sekatan sekalipun, apakah kelompok masyarakat yang menuntut itu bersedia untuk menggalas segala macam tanggungjawab yang perlu dipikul kemudiannya? Bersih 3.0 telah pun dapat dilaksanakan, namun dengan pelbagai kepincangan dan hiruk-pikuk dan sebaik selesai perhimpunan tersebut, di manakah para penganjur apabila diminta untuk bertanggungjawab atas kerosakan dan segala malapetaka yang berlaku dalam perhimpunan tersebut?

Oleh yang demikian, penulisan makalah ini adalah untuk mengenal pasti kepelbagaian isu yang timbul daripada peruntukan yang sedia ada dan berusaha untuk menganalisis kekuatan dan kelemahan setiap satu daripada peruntukan Akta Perhimpunan Aman agar pengaplikasian dan penguatkuasaan Akta Perhimpunan Aman ini akan menjadi lebih efisien dan berkesan. Dalam masa yang sama, makalah ini juga akan mengutarakan serta mengupas pandangan pelbagai pihak tentang perhimpunan aman dari sudut Undang-undang Jenayah Islam. Makalah ini akan memberikan saranan yang dan rungsaian permasalahan untuk memperkasakan lagi peruntukan yang sedia ada ke arah keharmonian dan keamanan negara yang berkekalan.

## PERHIMPUNAN AMAN DARI SUDUT PANDANGAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

### Pandangan ulama yang membenarkan perhimpunan aman

Perhimpunan aman walaupun dilihat berasal dari Barat, namun seandainya dilaksanakan dengan tertib, tidak melibatkan sebarang huru-hara dan inti patinya perhimpunan tersebut tidak bercanggah dengan dasar Islam dan erti kemanusiaan maka majoriti ulama muktabar seperti Dr. Yusof Al-Qardhawi, Dr. Ali Jumaah, Syeikh Salman Fahd Audah, Syeikh Abdul Rahman Abdul Khaliq dalam kitabnya (الشرعية السياسية من فصول), Dr. Sa'aduddin Mus'ad Hilali dan Dr. Ahmed At-Toyyib yang merupakan Syeikh Al-Azhar dalam satu muktamar "Sunnah Nabi: Antara Realiti dan Harapan" berkata telah menjadi hak rakyat untuk keluar membantah pemimpin yang zalim dalam keadaan aman jika nasihat rakyat tidak diendhkannya. Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Dr. Hasan Syafii yang merupakan Penasihat Syeikh Al-Azhar.<sup>11</sup>

10 Niaz. A. Shah, "Woman's Human Rights in the Quran: An Interpretive Approach" dlm. *Human Rights Quarterly* Vol. 28, No. 4 (Nov., 2006), hlm. 868-903

11 Al-Masryl Al-Youm, 15.1.2012

Kebanyakan ulama masa kini juga berpendapat harus bagi mengadakan perhimpunan atau demonstrasi aman lebih-lebih lagi jika dibenarkan oleh perlembagaan sebagai cara untuk rakyat menuntut keadilan dan menyuarakan hak serta pendirian mereka. Malah perhimpunan umum menjadi salah satu syiar Islam dalam menzahirkan *'izzah*, kekuatan dan kesatuan umat Islam seperti himpunan ketika solat berjemaah, hari raya dan ketika ibadat haji.

Berdasarkan Firman Allah yang bermaksud: “Dan tolong-menolonglah dalam mengerjakan perkara kebaikan dan taqwa, jangan tolong menolong dalam perkara dosa dan permusuhan” (al-Maidah: 2), para ulama ini telah merumuskan bahawa gabungan rakyat yang ramai akan lebih didengari daripada menyuarakannya secara bersendirian. Perhimpunan yang dimaksudkan oleh para ulama tersebut bukanlah bermaksud menentang atau mengangkat senjata untuk mengengkari pemerintah. Namun begitu, perbuatan ini sebagai satu cara untuk menasihati pemerintah dan menegahnya daripada terus melakukan mungkar serta ketidakadilan terhadap rakyat.

Mengulas isu sama ada rakyat dibenarkan untuk menasihati pemerintah dengan menggunakan perhimpunan aman sebagai medium, bekas Timbalan Syeikhul Al-Azhar Mesir, Syeikh Mahmoud Abdel Ghany Mahmoud Ashour berkata, sekalipun Islam memberikan kebebasan untuk menzahirkan pandangan, pelaksanaannya perlu dilakukan dalam keadaan aman, tidak mengganggu kemaslahatan masyarakat, tidak merosakkan harta benda dan berunsur diskriminasi.

Menurutnya, Islam tidak menghalang perhimpunan aman untuk menyuarakan hasrat kepada pemimpin (kerajaan) tetapi perhimpunan itu hendaklah tidak menimbulkan suasana huru-hara dan membawa kemudaratan kepada masyarakat. Pernyataan ini menjelaskan bahawa Islam melarang umatnya menyertai protes jalanan yang menyebabkan kerosakan harta benda dan lebih membimbangkan lagi boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Dalam sesi pembentangan kertas kerjanya, Syeikh Mahmoud Abdel Ghany berkata penganjuran perhimpunan aman jika perlu diadakan, sepatutnya tidak mencerooboh hak orang lain. “Guna slogan yang baik tanpa menyerang kepentingan awam dan tidak mencerooboh hak orang tidak berdosa,” katanya menegaskan selagi pemimpin itu berlaku adil, menjaga kebajikan umum, tidak mengamalkan diskriminasi, tidak bongkak, maka mereka wajib dipatuhi umat Islam

Namun begitu, permasalahan yang sering timbul dengan perhimpunan aman ini ialah penggunaan kawasan untuk berhimpun baik ditempat yang telah digazetkan mahupun di jalanan, akan menimbulkan masalah, iaitu mendatangkan kesukaran kepada pihak ketiga yang tidak terlibat dengan perhimpunan tersebut. Pasti akan ada kesesakan lalu lintas hasil penutupan jalan bagi membolehkan kelompok ini berhimpun dan menyuarakan hasrat atau bantahan mereka. Malah keadaan menjadi lebih teruk seandainya tercetus

kekacauan yang mengundang pelbagai masalah lain, seperti kecederaan terhadap orang awam yang berada di kawasan terbabit mahupun kerosakan harta benda.

Berkaitan dengan permasalahan dan isu yang berbangkit ini, Abf Sa'id al-Khudri berkata berhimpun atau duduk di jalanan pernah terjadi sewaktu zaman Rasulullah SAW<sup>12</sup> dan menurut beliau, apabila baginda melihat keadaan tersebut, lantas baginda berkata

*Beware! Avoid sitting on the road [ways]. "The people said," There is no [place] where we [can] converse. "The Prophet said," If you must sit there, then observe the rights of way. "They asked," What are the rights of way?" He said," They are lowering your gazes (upon seeing something that is illegal to look at), refraining from harming people, returning greetings, advocating good and forbidding evil.<sup>13</sup>*

Hadis ini menunjukkan kehalusan Islam yang menitikberatkan semua aspek. Hanya atas dasar keperluan yang mustahak sahaja akan membenarkan pihak terbabit untuk duduk berhimpun terutamanya di jalanan. Malah garis panduan yang telah ditetapkan dalam hadis ini menunjukkan meskipun perhimpunan dibenarkan dalam Islam namun mestilah secara aman dan tidak melibatkan sebarang kekerasan.

### **Pandangan Ulama yang Melarang Sebarang Perhimpunan**

Pada sudut pandangan yang lain, Islam melarang segala bentuk perbuatan yang memudaratkan makhluk termasuklah harta awam oleh mana-mana pihak sekali pun. Meskipun sebarang "tunjuk rasa" dan luahan bantahan dibenarkan namun pelakuan ini perlu dikekang dan dibatasi oleh syarak. Sering kali sesebuah perhimpunan itu bermula dengan aman namun berakhir dengan pelbagai insiden yang tidak diingini. Islam sentiasa menggalakkan musyawarah dan perbincangan yang sihat dan semua pihak mestilah mencari jalan yang terbaik bagi mengatasi segala kemelut di dalam negara ini.

Beberapa kaedah fiqh telah dibentuk dan membantu dalam mendapatkan jalan penyelesaian dalam sengketa yang dihadapi oleh umat Islam. Sekiranya pemerintah sesebuah negara tersebut merupakan pemerintah yang tidak membenarkan pelbagai hak asasi seperti yang telah digariskan oleh Undang-undang Antarabangsa, pemerintah seperti ini tidak wajar ditentang berdasarkan kaedah fiqh "la darara wa la dirar" (menyanggah kemudaratkan

12 Akef. I. Kahera; Omar Benmira, "Damages in Islamic Law: Maghrib □ Muft □ s and the Built Environment (9th-15th Centuries C.E.)" dlm. *Islamic Law and Society* Vol. 5, No. 2 hlm. 147 (1998).

13 *Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari*, trans. M. Muhsin Khan, 9 vols. (2nd ed., al- Madinah: Islamic University of Madinah, 1976), vol. 3, 385

dengan kemudharatan). Sewajarnya pemerintahannya tidak ditentang dengan cara berkumpul beramai-ramai dan saling bersorak demi untuk mendapatkan hak. Meskipun perhimpunan yang dibuat merupakan perhimpunan aman namun dikhuatiri bakal mencetuskan ketegangan kelak.

Kaedah fiqh ini dari segi bahasa ialah *al-darar* mengenakan keburukan kepada orang lain secara mutlak. *Al-darar* ialah menyanggah kemudharatan dengan kemudharatan. Kaedah Fiqh *la darara wa la dirar*<sup>14</sup> ini ialah nas dalam pengharaman *darar* kerana terdapat *la al-istighraqiyyah* (penafian yang merangkumi) yang membawa maksud pengharaman semua jenis kemudharatan kerana merupakan suatu kezaliman, melainkan apa yang dikhususkan dengan dalil seperti hukum hudud dan hukuman lain.

Kemudharatan dan sanggahan dengan kemudharatan yang diharamkan adalah apabila tanpa hak yang diharuskan oleh syarak.<sup>15</sup> Oleh itu, hak untuk berhimpun bukanlah satu hak yang menjadi tuntutan syarak. Tidak terbatal akidah seseorang itu andai hak ini tidak diberikan sekali pun. Hak untuk berhimpun harus dibezakan dengan hak untuk beragama. Andai pemerintah tidak membenarkan rakyatnya menganut agama Islam dan menarik balik hak kebebasan beragama, barulah kaedah ini tidak terpakai dan umat Islam dituntut untuk berjuang demi mempertahankan hak ini.

Malah, mentaati pemerintah merupakan sebahagian ciri taqwa dan tanda ketaatan kepada Allah serta rasul-Nya, Rasulullah SAW bersabda “Sesiapa yang taat kepadaku, sesungguhnya ia telah taat kepada Allah. Sesiapa yang derhaka kepadaku, sesungguhnya ia telah derhaka kepada Allah. Sesiapa yang taat kepada pemimpin, sesungguhnya ia telah taat kepadaku, dan sesiapa yang derhaka kepada pemimpin, sesungguhnya ia telah derhaka kepadaku”.<sup>16</sup>

Imam Ibnu Qayyim al-Jawziyyah menyentuh perkara ini dengan katanya: “Sesungguhnya Nabi SAW telah mensyariatkan kepada umatnya tentang kewajiban mencegah atau mencegah kemungkaran. Tujuannya untuk mencapai perkara yang makruf yang dicintai oleh Allah dan Rasul-Nya daripada usaha tersebut. Walau bagaimanapun jika perbuatan membasmi kemungkaran tersebut membawa kepada perkara lain yang lebih mungkar lagi dan lebih dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya, maka membasmi kemungkaran tidak perlu dilakukan walaupun Allah tetap membenci dan murka kepada pelaku kemungkaran tersebut. Situasi ini adalah sama seperti mengingkari raja dan para pemimpin dengan cara memberontak keluar daripada ketaatan kepada mereka. Bahawasanya ini merupakan asas kepada setiap keburukan dan

14 Majallat al-Ahkam al ‘al-Adliyyah, Seksyen 19, al-Atasi, Sharh al-Atasi li Majllat al-Ahkam al ‘Adliyyah, juzu’ I, hlm.52 dan al-Shaikh Mustafa al-Zarqa’, al-Madkhal al-Fiqhi al ‘Am, hlm. 977.

15 Md Amin Haji Abdul Rahman Al-Jarumi, *Kaedah-Kaedah Fiqh yang Utama (al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra)*, hlm. 82

16 *Hadis Riwayat al-Bukhari*, 10/114, no. 2737. Muslim, 9/364, no. 3417

fitnah sehingga akhir zaman. Para sahabat telah meminta izin Rasulullah SAW untuk memerangi para pemimpin (amir) yang melengah-lengahkan solat pada waktunya sambil berkata, “Adakah kita tidak perangi sahaja mereka?” Maka Rasulullah pun menjawab, “Tidak, selagi mana mereka masih tetap melaksanakan solat.<sup>17</sup>

Maka, analisis yang dibuat terhadap pandangan yang disuarakan oleh Ibn Qayyim ini menuntut pelaksanaan yang sederhana dan berhemah dalam menegur para pemerintah. Tidak dinyatakan secara langsung sama ada Ibn Qayyim menyokong atau menolak secara keseluruhan sebarang perhimpunan, terutama perhimpunan yang diadakan bagi menuntut hak. Namun begitu, dapat difahami dalam konteks ini, sebarang perlakuan bagi menentang atau menyatakan keingkaran terhadap pemimpin dalam bentuk apa-apa pun, contohnya perhimpunan yang mengumpulkan ramai peserta dan kemudiannya mencetuskan huru-hara adalah dilarang. Keadaan tersebut bakal menimbulkan kepayahan kepada masyarakat setempat dan mendatangkan kerosakan terhadap harta awam.

Juga daripada Ummu Salamah, Nabi Shallallahu ‘alaihi wa Sallam bersabda “Nanti akan datang para pemimpin yang berbuat baik juga berbuat mungkar. Sesiapa yang memahami (perkara tersebut) maka ia terlepas, sesiapa yang mengingkari bererti ia selamat. Berbeza dengan orang yang rela dan patuh.” Para sahabat pun bertanya, “Bolehkah kita memeranginya (menentangnya)?” Beliau menjawab, “Jangan, selagi mana mereka masih mendirikan solat.<sup>18</sup>

Malah, Ibnu Taimiyyah rahimahullah (wafat 728H) berkata, “bahawasanya Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wa Sallam telah melarang daripada memerangi mereka (pemimpin) walaupun pemimpin tersebut melakukan perkara yang mungkar. Keadaan ini menunjukkan bahawa tidak dibolehkan mengingkari (menentang atau mengingkari) mereka dengan pedang (senjata) sebagaimana yang difahami oleh golongan yang memerangi para pemimpin daripada kelompok Khawarij, Zaidiyyah, Mu’tazilah, dan sekelompok (sebahagian kecil) daripada para fuqaha’ (ahli fiqh) dan selainnya.<sup>19</sup>

Malahan, Muzakarah ke-99 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam hari ini memutuskan haram untuk umat Islam menyertai perhimpunan atau demonstrasi yang bertujuan tidak baik, melanggar undang-undang serta mencetuskan huru-hara dan kekacauan dalam negara.

Pendapat lain yang tidak menyokong perhimpunan meski pun aman dengan hasrat untuk menentang pemerintahan yang ada ialah Dekan Fakulti Syariah Universiti Al-Bayt Jordan, Syeikh Dr Mohammad Ali

17 *Hadis Riwayat Muslim*, Shahih Muslim, 9/404, no. 3448

18 *Hadis Riwayat Muslim*, Kitab al-Imarah, 9/400, no. 3445

19 Ibnu Taimiyyah, Minhajus Sunnah, 3/392 - *Mu’assasah al-Qurthubah*



Ibrahim Alzoghool. Beliau yang ditemui pada Seminar Antarabangsa Fiqh Mentaati Pemimpin anjuran Generasi BESTARI dan portal MyKMU.net di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara, menjelaskan mengenai keperluan mentaati seorang pemimpin selagi ia mentaati ajaran Islam dan tidak berlaku zalim. Malah menurut ilmuwan dari Jordan itu mentaati pemimpin adalah wajib selagi pemimpin dipilih itu bersikap adil dan menjaga kebajikan masyarakat yang dipimpinnya.

Pada masa yang sama, beliau berkata adalah wajib juga bagi mereka yang dipimpin atau rakyat untuk menegur pemimpin terbabit dengan cara yang sesuai bagi memastikan setiap perkara berada pada landasannya. Menurut Syeikh Alzoghool, keperluan mentaati pemimpin ditekankan dalam ajaran Islam kerana perbuatan ini merupakan perkara asas untuk menguruskan kehidupan dengan lebih baik. Mengulas mengenai isu dan persoalan yang mendepani masyarakat umum ketika ini ialah bagaimanakah cara untuk menegur pemimpin? Bolehkah teguran itu dibawa ke jalanan? Adakah protes jalanan itu dibenarkan dalam Islam dan sejauh mana kaedah itu boleh diguna pakai bagi menyatakan hasrat atau bantahan kepada pemimpin? Syeikh Alzoghool berkata cara terbaik untuk menegur pemimpin ialah menerusi saluran bersesuaian. Dalam konteks Malaysia, jalan terbaik adalah melalui peti undi (pilihan raya).

Katanya “Kita tidak boleh buat sesuatu perkara untuk suka-suka atau merosakkan keamanan kerana ini membabitkan hak orang lain. Cara terbaik ialah menerusi pilihan raya kerana saluran ini yang membenarkan suara rakyat didengari dan menyatukan kehendak masyarakat. Bukannya cara tidak bersistematik ataupun pendekatan lain (protes jalanan) yang dikhuatiri menjejaskan kebaikan (matlamat) asal.”

Menerusi tokoh ilmuwan ini mesejnya cukup jelas, iaitu pemimpin wajib ditaati selagi mereka tidak berlaku zalim, perlu ditegur jika ada sebarang kelemahan dan menegurnya juga perlu melalui jalan dan cara yang bersesuaian dan bukannya perhimpunan aman yang sering kali akhirnya bertukar menjadi kucar-kacir ataupun protes jalanan yang merugikan dan memudaratkan masyarakat.

## **PERHIMPUNAN AMAN DARI SUDUT PANDANGAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA**

Secara umumnya, undang-undang menyediakan peruntukan yang boleh diterima bagi memastikan setiap perhimpunan yang diadakan mengutamakan keamanan dan ketenteraman awam. Pembentukan undang-undang berkaitan dengan perhimpunan aman sememangnya sesuatu yang sukar.<sup>20</sup> Malahan

<sup>20</sup> Ibid., Guidelines on Freedom of Peaceful Assembly, hlm 9

penggubalannya menuntut penelitian dari pelbagai aspek yang berbeza baik dari segi prosedur mahupun substantif.<sup>21</sup> Namun begitu, setelah diperhalus Akta ini terdapat beberapa peruntukan yang menimbulkan banyak persoalan dan membuka ruang yang amat besar kepada pihak tertentu untuk memanipulasikannya bagi agenda tersendiri.

Setiap warganegara yang telah mencapai umur majoriti berhak menikmati hak berhimpun secara aman.<sup>22</sup> Malah penggubalan Akta Perhimpunan Aman ini merupakan suatu perkara yang perlu dialu-alukan seiring dengan pelan transformasi yang sedang dibawa oleh pihak pemerintah dan hak asasi yang telah diberikan dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 10 fasal 1 (b) yang memberikan kebebasan berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Walau bagaimanapun, hak yang diberikan dalam Perlembagaan Persekutuan ini menuntut penjelasan yang lebih lanjut lantaran tidak banyak perincian yang dinyatakan dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.

Hak yang diberikan ini tidak menyeluruh, bersyarat dan tertakluk pada Fasal (2), (3) dan (4). Dalam Perkara 10 fasal 2 menyatakan bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan-apa-apa sekatan yang didapatinya perlu dan bersesuaian demi kepentingan keselamatan Persekutuan, ketenteraman awam atau prinsip moral.<sup>23</sup> Secara asanya, hak berkumpul yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan ini sentiasa mengambil kira keselamatan dan keamanan awam. Oleh itu, dengan adanya Akta Perhimpunan Aman ini dapat memberikan garis panduan yang lebih jelas tentang sejauh mana hak ini terpakai di Malaysia.

Ketua Unit Pendakwaan Kuala Lumpur, Puan Raja Rozela binti Raja Toran, dalam sesi forum Seminar of Freedom of Assembly<sup>24</sup> sewaktu ditanya oleh moderator tentang pendapat beliau mengenai Akta ini. Beliau menyatakan bahawa Akta Perhimpunan Aman ini diumpamakan seperti “a breath of fresh air” dalam isu perhimpunan aman ini. Bagi beliau Akta ini merupakan “a revolutionary piece of legislation.” Jika selama ini pihak penganjur perlu untuk mengemukakan permohonan bagi mendapatkan permit<sup>25</sup> untuk menganjurkan perhimpunan aman, di bawah peruntukan Akta Perhimpunan Aman tiada sebarang permohonan yang perlu dibuat dan cukup sekadar dengan pemakluman awal.

Selama ini masyarakat hanya berpegang pada Makalah 10 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan dan pelbagai interpretasi dibuat terhadap Akta ini terutamanya berkaitan dengan dengan pengehadan dan sejauh manakah hak

21 Gina Clayton, “Reclaiming Public Ground: The Right to Peaceful Assembly” dlm. *The Modern Law Review Limited (MLR)* 63:2, hlm. 252-60, 2000.

22 Joanna Stevens, “Colonial Relics I: The Requirement of a permit to hold a Peaceful Assembly” dlm. *Journal of African Law* Vol.41, No.1, hlm. 118-33, 2007.

23 Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan

24 Seminar of Freedom of Assembly, Jabatan Peguam Negara, 23 Jun 2012

25 Seksyen 27 Akta Polis 1967 (Akta 344)

ini boleh dipraktikkan. Dengan adanya Akta khusus yang meletakkan tatacara perhimpunan aman, menjadi harapan kita untuk melihat hak ini dipraktikkan, namun dalam masa yang sama perhimpunan tersebut wajar dijalankan dengan mengikut lunas undang-undang yang telah ditetapkan. Akta ini juga mampu memberikan garis panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam perhimpunan aman, baik secara langsung atau tidak langsung.

## **LAKUNA YANG TERDAPAT DALAM AKTA PERHIMPUNAN AMAN 2012**

Terdapat beberapa lakuna dan persoalan yang telah dikenal pasti dalam kewujudan Akta 736 dan lakuna ini turut diekstrak daripada perbincangan sesi forum Seminar of Freedom of Assembly<sup>26</sup> yang panelnya terdiri daripada Ketua Unit Pendakwaan Kuala Lumpur, Puan Raja Rozela binti Raja Toran, Encik Khairy Jamaluddin selaku Ahli Parlimen Rembau dan Dato' Razali Basri Ketua Bahagian Undang-undang dan Pendakwaan, Polis Diraja Malaysia serta berdasarkan pandangan penulis sendiri berkaitan isu tersebut. Antaranya termasuklah:

### **Tiada Wacana Awam**

Antara kritikan yang sering didengar terhadap Akta Perhimpunan Aman ini ialah tiadanya wacana awam untuk membincangkan peruntukan yang terkandung di dalamnya. Malah Encik Khairy Jamaluddin selaku Ahli Parlimen Rembau dan panel dalam sesi forum Seminar of Freedom of Assembly, sewaktu sesi soal jawab yang diadakan turut berkesempatan membahaskan rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman ini dengan menyatakan bahawa benar terdapat "*unusual speed in passing the law*".

Hal ini demikian kerana terdapat tekanan yang sangat mendesak dalam menyelesaikan hal berkenaan perhimpunan aman di Malaysia. Seharusnya kerajaan sebagai pihak eksekutif yang berkuasa dalam mentadbir dan membawa rang undang-undang ini untuk dibentangkan perlu menganjurkan sesi perbincangan dengan masyarakat umum atau wakil badan berkaitan sebelum meneruskan penggubalan undang-undang ini dan seterusnya dibacakan di Parlimen untuk kelulusan.

Kegagalan untuk meninjau dan membuat kajian terhadap ruang lingkup dan pendekatan yang ada dalam undang-undang ini telah sedikit sebanyak menjelaskan bahawa pelaksanaannya tidak mendapat mandat yang sewajarnya daripada masyarakat umum bahkan menidakkan pandangan dan pendapat mereka terhadap sesuatu undang-undang yang bakal dilaksanakan. Oleh

<sup>26</sup> Sesi ini dijalankan dalam bentuk forum berbentuk soal jawab dan tiada pembentangan kertas kerja secara formal dibuat.

itu, seandainya telah dirangka untuk penambahbaikan dibuat terhadap akta ini, maka seharusnya pandangan masyarakat pelbagai lapisan masyarakat dianalisis terlebih dahulu.

### **Tempoh Awal Pemberitahuan Perhimpunan Aman**

Seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman memperuntukkan bahawa penganjur perhimpunan mesti membuat permohonan dalam tempoh 10 hari sebelum perhimpunan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan penganjur didenda tidak melebihi RM10 ribu. Ternyata peruntukan ini perlu diperhalus dan disemak semula, memandangkan tempoh 10 hari ini agak lama dan tidak relevan. Beberapa pihak berhujah bahawa terdapat isu yang ingin diketengahkan dalam perhimpunan tersebut merupakan respons yang perlu diberikan serta merta, seperti isu keganasan Israel, maka seksyen ini bakal menimbulkan masalah memandangkan pihak berkuasa mempunyai kuasa penuh untuk menentukan sama ada perhimpunan boleh diadakan atau sebaliknya.

Pandangan ini menampakkan ketidakmatangan sehingga tuntutan yang dikemukakan dari sehari ke sehari semakin melampaui batas. Pada awalnya, rang undang-undang meletakkan had masa selama 30 hari sebelum perhimpunan perlu dimaklumkan kepada pihak berkuasa namun tempoh masa ini kemudiannya telah dipinda dengan menjadikan pemberitahuan perhimpunan hanya 10 hari sebelum perhimpunan.

Pemahaman secara holistik perlu dibuat oleh para pejuang hak untuk berhimpun secara aman, kerana perhimpunan yang dirangka memerlukan sedikit masa kepada pihak berkuasa, Polis terutamanya, untuk memaklumkan kepada pihak ketiga tentang perhimpunan yang bakal diadakan kelak.<sup>27</sup> Jadual kawalan lalu lintas perlu dirangka dan pembahagian tugas anggota polis perlu dibuat bagi memastikan perjalanan perhimpunan berjalan lancar.

Pemberitahuan dan penyelarasan jalan yang akan ditutup serta jalan alternatif perlu juga dipastikan bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dan kesusahan kepada orang ramai. Oleh itu, pihak yang berhujah dengan hujah sebegini diminta untuk tidak bersikap pentingkan diri sendiri semata-mata. Justifikasi ini juga memberi jawapan atas isu mengapa protes jalanan atau *street assembly* tidak dibenarkan.

### **Kuasa Budi Bicara Pihak Berkuasa**

Terdapat kritikan bahawa Akta Perhimpunan Aman ini memberikan kuasa budi bicara yang amat luas kepada pihak berkuasa yang kononnya akan sangat

<sup>27</sup> Seksyen 5, Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736)

berpotensi untuk dimanipulasikan. Seksyen 15 Akta Perhimpunan Aman ini memberikan kuasa penuh kepada pihak berkuasa untuk mengenakan sekatan dan syarat terhadap sesuatu perhimpunan dan barang siapa yang gagal mematuhi boleh dikenakan denda sehingga RM10 ribu. Sekiranya ini berlaku, mana-mana pihak yang ingin menganjurkan perhimpunan bukan sahaja boleh dinafikan hak mereka berbuat demikian, bahkan boleh dikenakan denda sekiranya gagal mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan.

Para pejuang hak yang berhimpun secara aman perlu memahami dengan jelas apa-apa yang dimaksudkan dengan sekatan dan syarat tersebut. Sekatan dan syarat yang bagaimana boleh dikenakan terhadap pihak penganjur? Meskipun peruntukan yang sedia ada tidak jelas namun pihak berkuasa tertakluk pada setiap peraturan yang ada dalam penetapan sekatan dan syarat termasuklah garis panduan yang dikeluarkan oleh Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR) yang telah menetapkan setiap sekatan dan syarat tersebut mestilah mempunyai asas dalam undang-undang dan bukan sesuka hati semata-mata.<sup>28</sup>

Terdapat juga kritikan yang mengatakan bahawa ciri yang ada pada beberapa undang-undang terdahulu seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang memberikan kuasa penuh pihak polis masih lagi ada dalam akta yang diperkenalkan ini. Hujah ini adalah tidak benar sama sekali kerana pernyataan SAC Dato' Razali Bin Basri pada sesi forum Seminar Freedom of Assembly dan dalam pembentangan kertas kerjanya bertajuk "Akta Perhimpunan Aman: Melangkah ke hadapan" dalam Seminar Persidangan Transformasi Perundangan berhubung dengan Keselamatan dan Hak Asasi; Hak dan Tanggungjawab: Antara Harapan dan Cabaran<sup>29</sup> menegaskan bahawa kini tugas dan peranan pihak polis telah berubah sama sekali. Sekiranya dahulu lebih kepada penentu dan penyelesaian masalah, kini beralih sebagai fasilitator yang bertindak sebagai pemudah cara kepada sesebuah perhimpunan aman itu.

## Rayuan kepada Kementerian Dalam Negeri

Akta Perhimpunan Aman ini bukan sahaja memberikan kuasa yang luas kepada pihak berkuasa bahkan tidak mempunyai peruntukan yang jelas dan relevan mengenai rayuan terhadap sekatan dan syarat yang dikenakan oleh pihak polis. Sebarang rayuan daripada pihak penganjur untuk mengurangkan

<sup>28</sup> *Ibid.*, hlm.14

<sup>29</sup> Kertas kerja bertajuk "Akta Perhimpunan Aman: Melangkah ke Hadapan" dibentangkan di Seminar Persidangan Transformasi Perundangan berhubung dengan Keselamatan dan Hak Asasi; Hak dan Tanggungjawab: Antara Harapan dan Cabaran bertempat di The Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur, pada 15.1.2013. (Seminar berlangsung selama tiga hari dan pembentangan Kertas kerja ini dibuat pada hari kedua Seminar).

atau menggugurkan sekatan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa hanya boleh dibuat kepada Menteri Dalam Negeri.

Hal ini dikatakan menimbulkan persoalan dari aspek ketelusan, kesesuaian dan kerelevanannya. Seperti yang difahami, pihak polis beroperasi dan menjalankan tugas di bawah pemantauan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bahkan terikat dengan arahan KDN. Dalam konteks ini sudah tentu rayuan kepada KDN berkenaan dengan sekatan dan syarat dikenakan adalah tidak sesuai dan meragukan. Memberikan hak untuk merayu terhadap sesuatu keputusan yang dibuat merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian. Oleh itu, keputusan Menteri Dalam Negeri semata-mata tidak mencukupi sebaliknya Akta Perhimpunan Aman ini perlu menyediakan ruang bagi membolehkan pihak penganjur membuat kajian kehakiman (*judicial review*) dan menjadikan mahkamah sebagai “*a second tier in the appeal*”. Kaedah ini lebih relevan kerana mahkamah pihak yang berkecuali dalam isu ini.

### **Kekaburan definisi Undang-undang**

Terdapat juga kritikan bahawa wujudnya pelbagai kekaburan definisi undang-undang yang terkandung dalam Akta Perhimpunan Aman ini. Umpamanya, tidak terdapat sebarang perbezaan yang jelas mengenai takrifan “perhimpunan” dan mana-mana protes jalanan atau piket.<sup>30</sup>

Kedua-dua situasi dan definisi yang digambarkan dalam akta ini bersifat boleh berubah (*interchange*) dan kabur. Sehubungan itu, sekali lagi, seruan kepada pindaan dari segi takrifan perkataan ini amat diperlukan. Hal ini kerana akta ini berkenaan dengan Akta Perhimpunan Aman dan timbul kejanggalan sekiranya maksud kepada perkataan tersebut gagal untuk didefinisikan dengan baik. Keadaan ini menunjukkan bahawa akta ini tidak digubal dengan berjati-hati dan bakal menyebabkan pengaplikasiannya goyah.

### **Penggunaan Kekerasan Dibenarkan**

Terdapat juga kritikan terhadap Seksyen 21 Akta Perhimpunan Aman yang mendakwa seksyen ini telah memberikan kuasa kepada pihak polis bagi menggunakan kekerasan untuk menyuraikan perhimpunan. Oleh itu, semua pihak yang terlibat diminta untuk melihat sesuatu isu dari sudut pandangan yang lebih luas dan tidak hanya dalam skop pandangan sempit semata-mata. Keseluruhan akta ini perlu dibaca bersama dan penggunaan perkataan yang munasabah pula telah pun secara langsung meletakkan satu garis panduan kepada penggunaan kekerasan yang bagaimana boleh

<sup>30</sup> Seksyen 3, Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736).

dibenarkan dalam menyuraikan perhimpunan aman ini. Malah perkataan “munasabah” itu sendiri telah dikawal oleh prinsip undang-undang, seperti yang telah digariskan dalam kes *Donoghue Iwn Stevenson*.<sup>31</sup>

### **Tiada Liabiliti terhadap Pihak Yang Terlibat**

Sekyen 6,7 dan 8 Akta Perhimpunan Aman ada menyatakan tanggungjawab pihak yang terlibat namun tidak dinyatakan pada mana-mana bahagian dalam Akta tersebut tentang hukuman yang akan dikenakan terhadap pihak yang terlibat dalam perhimpunan aman sekiranya tanggungjawab yang dikenakan tidak digalas dengan sempurna. Ketiadaan peruntukan ini akan menyebabkan tindakan selanjutnya sukar dilaksanakan walau pun wujud tanggungjawab statut namun sekiranya tiada hukuman yang spesifik, tindakan lanjut tidak boleh diteruskan. Sewajarnya pindaan dibuat dengan memasukkan hukuman spesifik terhadap pihak yang terlibat sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

### **Percanggahan dengan Peruntukan Undang-undang Antarabangsa**

Guidelines on Freedom of Peaceful Assembly<sup>32</sup> menjadi panduan utama dalam pembentukan undang-undang yang berkaitan dengan perhimpunan aman ini. Terdapat kritikan bahawa Akta Perhimpunan Aman tidak selari dengan garis panduan ini, begitu juga dengan beberapa dokumen antarabangsa lainnya antaranya of Universal Declaration of Human Rights,<sup>33</sup> International Covenant on Civil and Political Rights,<sup>34</sup> European Convention for the Protection of Human Rights and Fundamental Freedoms,<sup>35</sup> American Convention on Human Rights.<sup>36</sup> Kesemua dokumen antarabangsa ini telahpun meletakkan hak untuk berhimpun secara aman sebagai satu hak asasi dan melibatkan sekatan yang sangat minimum terhadap aktiviti ini.

Oleh itu, hal ini menimbulkan keresahan kepada masyarakat Malaysia bahawa apakah kumpulan ini menuntut Akta Perhimpunan Aman ini digubal dengan mengikut acuan negara dan masyarakat antarabangsa dan bukan mengikut acuan sendiri? Adalah penting untuk sosiobudaya, ekonomi dan politik setempat dinilai dan dianalisis sebelum cadangan untuk mengiklatkan undang-undang atau dokumen antarabangsa ini diberikan perhatian dan diikuti sepenuhnya. Hakikatnya sangat banyak undang-undang atau

31 [1932] AC 562

32 *Ibid*

33 Artikel 20 (1)

34 Artikel 21

35 Artikel 11

36 Artikel 15

dokumen antarabangsa yang bercanggah dengan kesesuaian norma kehidupan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, untuk menunjukkan betapa sekatan dan penghadan terhadap perhimpunan aman pada peringkat antarabangsa sangat minimal (malah kadangkala tidak rasional) adalah seperti apa yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Office for Democratic Institutions and Human Rights (ODIHR)<sup>37</sup> yang dengan jelas menyatakan bahawa semua lapisan masyarakat perlu dibenarkan untuk mempraktikkan hak ini, iaitu hak untuk menganjurkan dan menyertai perhimpunan perlu diberikan termasuklah kepada kanak-kanak, warga asing dan pesakit jiwa.

## KESIMPULAN

Perjuangan menuntut hak perlu sentiasa diseimbangkan dengan kesediaan untuk bertanggungjawab terhadap hak yang akan atau telah diperoleh. Bagi menjawab dan mencari penyelesaian bagi isu yang dibangkitkan maka analisis dari sudut pandangan undang-undang Jenayah Islam, perundangan Negara mahupun undang-undang antarabangsa. Ternyata, sudut pandangan Islam adalah lebih seimbang dan harmoni. Tiada penekanan tuntutan hak yang melampau dan dalam masa yang sama kemaslahatan bagi semua pihak dipentingkan. Beberapa isu yang dibincangkan sewajarnya diberikan perhatian dan kajian yang lebih khusus dan mendalam. Akta Perhimpunan Aman merupakan titik tolak buat permulaan yang baik dalam usaha menangani isu berkaitan perhimpunan. Pembentukan dan penyesuaian undang-undang ini juga seharusnya berpaksikan acuan budaya masyarakat di Malaysia. Hal ini selaras dengan pelan tranformasi dari sudut undang-undang negara yang membenarkan kebebasan berhimpun dengan kawalan sendiri oleh pihak penganjur dengan syarat perlu mematuhi beberapa perkara, seperti tidak membawa kanak-kanak, dilakukan secara aman dan di tempat yang telah ditetapkan.

## RUJUKAN

Al-Masryl Al-Youm ,15.1.2012

Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta736)

Akta Polis 1967 (Akta 344)

Akel. I. Kahera; Omar Benmira, "Damages in Islamic Law: Maghribi Muftis and the Built Environment (9th-15th Centuries C.E.)" dlm. *Islamic Law and Society*, Vol. 5, No. 2 (1998), hlm. 147

<sup>37</sup> *Ibid.*, Guidelines on Freedom of Peaceful Assembly, hlm 14



- Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, terjemahan. M.Muhsin Khan,9 vols. (2nd ed., al-Madinah: Islamic University of Madinah, 1976), vol. 3, 385
- Barbara Driessens, “A Cairene Way of Reconciling” dlm. *Islamic Law and Society*, Vol. 13, No. 1, Customary Law in North Africa and the Arab East (2006), hlm. 99-122
- Berita Harian, 9 Jun 2012
- Donoghue *lwn* Stevenson [1932] *AC* 562
- Faridah Jalil, “Ulasan Perundangan Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736)” dlm. *KANUN*, Jilid 24. Bil. 1 Jun 2012.
- Gina Clayton, “Reclaiming Public Ground: The Right to Peaceful Assembly” dlm. *The Modern Law Review Limited (MLR 63:2)*, hlm. 252-60, 2000.
- Joanna Stevens, “Colonial Relics I: The Requirement of a permit to hold a Peaceful Assembly” dlm. *Journal of African Law* Vol.41, No.1, hlm. 118-33, 2007.
- Majallat al-Ahkam al ‘al-Adliyyah, Seksyen 19, al-Atasi, Sharh al-Atasi li Majllat al-Ahkam al ‘Adliyyah, juzu’ I, hlm.52 dan al-Shaikh Mustafa al-Zarqa’, al-Madkhal al-Fiqhi al ‘Am,hlm. 977.
- Md Amin Haji Abdul Rahman Al-Jarumi. *Kaedah-kaedah Fiqh yang Utama ( al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra)* , hlm. 82.
- Niaz. A. Shah, “Woman’s Human Rights in the Quran: An Interpretive Approach” dlm. *Human Rights Quarterly*, Vol. 28, No. 4 (Nov., 2006), hlm. 868-903
- “Pemandu Teksi rugi RM5.4j jika Bersih diteruskan” dlam *Utusan Malaysia*, 25. April 2012.
- Perlembagaan Persekutuan.